

NO. SOALAN: 87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM**  
**[ BANDAR TUN RAZAK – BEBAS ]**  
**TARIKH : 25 JULAI 2017**  
**SOALAN : 87**

**Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta PERDANA MENTERI** menyatakan adakah sebarang cadangan menyemak dan mengemas kini semua dasar berkenaan mangsa pelarian dan pemohon suaka di Malaysia termasuk kecenderungan menjamin hak-hak asas, jaringan keselamatan sosial dan perlindungan undang-undang demi kelangsungan hidup di tempat baharu.

**JAWAPAN:**            **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan tidak mengiktiraf status "pelarian" memandangkan Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan / atau Protokol 1967. Walau bagaimanapun, atas dasar kemanusiaan, Kerajaan membenarkan "pelarian" yang merupakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) untuk tinggal sementara sehingga dihantar pulang ke negara asal atau ditempatkan di negara ketiga. Dasar Kerajaan mengenai perkara ini adalah menggunakan asas "satu kes ke satu kes".

Sememangnya Kerajaan sedang dalam proses menyemak semula semua dasar sedia ada termasuklah berkaitan dengan pemegang kad UNHCR bagi memastikan ia selaras dengan kehendak Dasar Keselamatan Negara yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Januari 2017.

Semakan semula ini akan mengambil kira pelbagai aspek berkaitan "pelarian" khususnya implikasi terhadap keselamatan negara dan rakyat, hak asasi manusia serta pematuhan terhadap undang-undang antarabangsa.

Sekian, terima kasih.